



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JPNP			

Tebang pokok durian elak pekebun haram masuk semula HSK Batu Talam

KUANTAN - Penebangan pokok durian muzang king terpaksa dilakukan bagi mengelak pekebun haram memasuki semula kawasan penerokaan tanah di dalam Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, Raub.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Datuk Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, ia bagi mengelak kejadian ceroboh oleh pekebun haram yang mungkin kembali untuk menguruskan kebun terbabit termasuk mengambil buah durian di situ.

Menurut Mohd Hizamri, kawasan HSK Batu Talam luas dan pihaknya tidak mempunyai anggota yang cukup untuk mengawal selia kawasan terbabit selama 24 jam.

"Kalau kita tidak musnah (tebang) pokok, ia akan mengundang kehadiran semula pekebun ini. Jadi tebang adalah cara untuk hentikan terus aktiviti mereka secara keseluruhan.

"Kalau fikirkan memang sayang hendak tebang sebab pokok sudah ditanam 20 tahun, tapi kerana tugas, kita terpaksa berbuat demikian," katanya di Gebeng pada Khamis.

Dalam pada itu, beliau berkata, selepas kerja-kerja penebangan ini selesai, penanaman pokok hutan akan segera dilakukan di kawasan terbabit.

Jelasnya, bagi memudahkan kerja penanaman semula dilakukan, operasi musnah kebun itu dilakukan secara manual dan tidak menggunakan jentera berat.

"Di kawasan ini banyak cerun dan sungai, jadi penggunaan jentera berat akan menyebabkan pembukaan tanah dan air sungai di kawasan sekitar akan tercemar.

"Jadi, kita ambil keputusan untuk melaksanakan penebangan secara manual, biar nampak kerja-kerja ini lambat, tetapi senang untuk kita menjalankan kerja pemulihan selepas ini," ujarnya.

Ditanya mengenai rayuan pekebun untuk mengadakan rundingan dan memberhentikan operasi, Mohd Hizamri berkata, perkara itu masih belum diputuskan kerajaan Pahang.

"Sehingga kini tiada arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan Pahang dan operasi tetap diteruskan seperti dijadualkan.

"Kalau kerajaan Pahang suruh berunding, kita bersedia ke arah itu dan tiada masalah kerana sebagai jentera (jabatan) kerajaan, kita perlu ikut arahan ditetapkan," jelas beliau.

